

PENYATA PENDEDAHAN PRODUK / PRODUCT DISCLOSURE SHEET



BANK SIMPANAN NASIONAL

Sila baca dan fahami Penyata Pendedahan Produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk mengambil **BSN MyHome-i SJKP-MADANI**. Sila pastikan anda juga membaca terma-terma di dalam surat tawaran. Dapatkan penjelasan daripada BSN jika anda tidak memahami mana-mana bahagian atau terma-terma amnya

*Please read this Product Disclosure Sheet before you decide to take out the **BSN MyHome-i SJKP-MADANI**. Be sure to also read the terms and conditions in the letter of offer. Kindly seek clarification from BSN if you do not understand any part of this document or the general terms*

BSN MyHome-i SJKP-MADANI

Tarikh / Date : _____
Untuk diisi oleh Eksekutif Kewangan /
Cawangan / To be filled in by Financial Executive /
Branch Representative)

1. Apakah produk ini? / What is this product about?

- BSN MyHome-i SJKP-MADANI adalah kemudahan pembiayaan perumahan bagi individu / bersama dengan syarat-syarat seperti berikut / *BSN MyHome SJKP-MADANI is a house financing facility for individual / joint with the following criteria:*
 - i. Warganegara Malaysia / *Malaysian citizen*
 - ii. Berumur 18 tahun hingga 65 tahun ketika memohon dan tidak melebihi 70 tahun semasa tempoh pembiayaan tamat / *Age 18 to 65 years old during application and not exceeding 70 years old at the end of the financing tenure*
 - iii. Pendapatan minimum RM1,500 sebulan / *Minimum monthly income RM1,500*
 - iv. Berpendapatan tidak tetap, bekerja sendiri, pekerja ekonomi gig dan juga yang berpendapatan tetap atau mempunyai penyata gaji serta mempunyai keupayaan untuk membayar ansuran pembiayaan / *Non-fixed income earners, self-employed, gig workers and those with fixed monthly income or salary slips and capable for financing payment*
 - v. Tidak mempunyai kemudahan pembiayaan perumahan sedia ada dengan mana-mana institusi kewangan / *Does not have any existing home financing facility with any financial institution*
 - vi. Permohonan pembiayaan bagi rumah pertama / *Financing application for first house*
 - vii. Bukan seorang muflis / *Not a bankrupt*

2. Apakah konsep Syariah yang digunakan untuk pembiayaan ini? / What is the Shariah concept applicable?

- Konsep Syariah yang diguna pakai bagi produk ini adalah Tawarruq (Murabahah Komoditi) yang melibatkan dua kontrak jual beli. Kontrak pertama melibatkan penjualan aset oleh penjual kepada pembeli secara tangguh. Seterusnya, pembeli bagi urusiaga penjualan yang pertama akan menjual aset yang sama kepada pihak ketiga secara tunai dan serta-merta. / *The Shariah concept used is Tawarruq (Commodity Murabahah) where a Tawarruq consists of two sale and purchase contracts. The first involves the sale of an asset by a seller to a purchaser on a deferred basis. Subsequently, the purchaser of the first sale will sell the same asset to a third party on a cash and spot basis.*
- Konsep Tawarruq ini juga melibatkan kontrak Wakalah (Perwakilan) dengan menggunakan struktur dwi-wakil yang merangkumi / *The Tawarruq concept also involves Wakalah contract (Agency) which adopts a 'dual-agency' arrangement, whereby involves the followings :*
 - i. Pelantikan Bank sebagai wakil pelanggan untuk menyempurnakan pembelian komoditi secara Murabahah daripada Bank. / *The appointment of the Bank who acts as an agent on behalf of the customer to conclude the purchase of the commodity from the Bank on a Murabahah basis.*
 - ii. Pelantikan Bank sebagai wakil pelanggan untuk menjual komoditi kepada pihak ketiga. / *The appointment of the Bank who acts as an agent to sell the commodity on behalf of the customer to a third party.*


3. Apakah yang dimaksudkan dengan Kadar Asas Standard (KAS)? / What is Standardised Base Rate (SBR)?

KAS yang kami tawarkan bagi produk ini adalah berdasarkan kadar penanda aras yang ditetapkan oleh Bank Negara Malaysia. Kadar penanda aras pada masa kini ditetapkan mengikut Kadar Dasar Semalaman (OPR), yang mencerminkan pendirian dasar monetari seperti yang diputuskan oleh Jawatankuasa Dasar Monetari Bank Negara Malaysia. / *The SBR we offer for this product is based on the benchmark rate specified by Bank Negara Malaysia. The benchmark rate is currently set as the Overnight Policy Rate (OPR), which reflects the monetary policy stance as decided by the Monetary Policy Committee of Bank Negara Malaysia.*

4. Apakah senario yang mungkin menyebabkan perubahan pada Kadar Asas Standard (KAS)? / What are possible scenarios to trigger a change in the Standardised Base Rate (SBR)?

KAS boleh meningkat atau menurun disebabkan oleh perubahan pada kadar penanda aras, iaitu perubahan pada Kadar Dasar Semalaman (OPR). / *The SBR can rise or fall in tandem with changes in the benchmark rate, i.e. changes in the Overnight Policy Rate (OPR)*

5. Sejarah Kadar Asas Standard (KAS) dalam masa 3 tahun / Historical Standardised Base Rate (SBR) for the past 3 years



Nota / Note:

- Untuk siri sejarah yang lebih panjang, sila rujuk laman web kami. / For a longer historical series, please refer to our website.
- KAS diperkenalkan pada 1 Ogos 2022. Garis putus-putus menunjukkan siri sejarah OPR yang merupakan penanda aras KAS. / The SBR was introduced on 1 August 2022. The dotted line shows the historical series of the OPR, which is the benchmark of the SBR.

6. Apa yang boleh saya perolehi dari produk ini? / What do I get from this product?

| | |
|--------------------------------------|---|
| Jumlah Pembiayaan / Financing Amount | Dari RM25,000 hingga RM360,000 / From RM25,000 up to RM360,000 |
| Tempoh Pembiayaan / Financing Tenure | Sehingga 35 tahun Up to 35 years |
| Margin Pembiayaan / Financing Margin | Margin pembiayaan maksimum sehingga 120% daripada harga belian termasuk: / Financing margin up to 120% of purchase price including: a) 100% bagi harga belian hartanah / 100% for property purchase price; b) Sehingga 20% bagi kos-kos yang berkaitan MRTT, Houseowner, Yuran Guaman, Yuran Penilaian, Kos Pengubahsuaian, Pembelian perabot dan kelengkapan rumah). / Up to 20% for related cost of MRTT, Houseowner, Legal Fee, Valuation Fee, Renovations cost, Purchase of home furniture and fitting. |
| Kadar Keuntungan / Profit Rate | KAS + 1.60% / SBR + 1.60% |

Nota / Note:

Kadar Asas Standard (KAS) semasa adalah 3.00% setahun (berkuat kuasa mulai 12 Mei 2023) dan tertakluk kepada perubahan Kadar Dasar Semalaman (OPR). / Current Standardised Base Rate (SBR) is 3.00% per annum (effective 12 May 2023) and subject to changes in Overnight Policy Rate (OPR).

- Tempoh Pembiayaan / Financing Tenure tahun / years
- Margin Pembiayaan / Margin of Financing %
- Jumlah Harga Jualan / Total Selling Price RM
- Kadar Untung Dipersetujui / Contracted Profit Rate (CPR) %

Nota / Note :

- Ilustrasi di atas adalah berdasarkan hartanah siap, jumlah pembiayaan RM200,000, dan tempoh 30 tahun. / The above information is based on completed property, financing amount of RM200,000, and 30 years financing tenure.
- Contoh di atas adalah untuk ilustrasi sahaja. Ia mungkin tidak menunjukkan keadaan atau tanggungjawab sebenar untuk setiap produk BSN MyHome-i. / The above example is for illustration only. It may not indicate the conditions or obligations of each BSN MyHome-i product.

7. Apakah tanggungjawab saya? / What are my obligations?

- Ansuran bulanan anda / Your monthly instalments: Tahun [1] - [30] / Year [1] - [30]: RM [1,025.29]
- Jumlah bayaran pada akhir [30] tahun ialah RM [369,103.95] / Total payment amount at the end of [30] years is RM [369,103.95].

Penting: Ansuran bulanan dan jumlah bayaran akan berbeza jika terdapat perubahan **KAS**. /

Important: Your monthly installment and total payment amount will vary if the **SBR** changes.

| Kadar Untung Efektif setahun / Effective Profit Rate (EPR) per annum | Semasa / Today (KAS / SBR = 3.00%) | Jika KAS naik 1% / If SBR goes up 1% | Jika KAS naik 2% / If SBR goes up 2% |
|--|------------------------------------|--------------------------------------|--------------------------------------|
| Ansuran bulanan / Monthly instalment | RM1,025.29 | RM1,148.16 | RM1,277.32 |
| Jumlah keseluruhan keuntungan pada akhir tempoh pembiayaan [30] tahun / Total profit at the end of [30] years financing tenure | RM169,103.95 | RM213,336.87 | RM259,834.35 |
| Jumlah keseluruhan bayaran pada akhir tempoh Pembiayaan [30] tahun. / Total payment amount at the end of [30] years | RM369,103.95 | RM413,336.87 | RM459,834.35 |

Nota / Notes:

- Ilustrasi di atas adalah berdasarkan hartanah siap, jumlah pembiayaan RM200,000, dan tempoh 30 tahun. *The above information is based on completed property, financing amount of RM200,000, and 30 years.*
- Amaun bayaran di atas adalah dengan andaian EPR tidak berubah. *The instalment amount above is based on the assumption that the EPR is unchanged.*
- Contoh di atas adalah untuk ilustrasi sahaja. Ia mungkin tidak menunjukkan keadaan atau tanggungjawab sebenar untuk setiap produk BSN MyHome-i. *The above example is for illustration only. It may not indicate the conditions or obligations of each BSN MyHome-i product.*

8. Apakah bayaran lain yang perlu saya bayar? / What other charges do I have to pay?

| Bil./ No. | Jenis Fi / Type of Fee | Perincian / Details | | | | | | | | | | | | |
|----------------------|--|---|-----------|-------------------|----------|----|---|------|----|---|------|----------------------|--|-------------|
| 01. | Duti Setem / Stamp Duties | Seperti yang ditetapkan dalam Akta Setem 1949 (Pindaan Semula 1989). / As per the Stamp Act 1949 (Revised 1989). | | | | | | | | | | | | |
| 02. | Sumbangan Takaful Gadai Janji Berkurangan (pilihan) / Mortgage Reducing Term Takaful (optional) | Berubah berdasarkan umur / tempoh pembiayaan / jumlah pembiayaan / May be vary depending on age, financing tenure / financing amount | | | | | | | | | | | | |
| 03. | Fi Pengeluaran / Disbursement Fee | Termasuk tetapi tidak terhad kepada duti setem, yuran pendaftaran cagaran, pendaftaran mana-mana dokumen sekuriti serta pendaftaran dan penarikan balik kaveat dan lain-lain caj yang berkenaan seperti carian kebangkrutan dan carian rasmi hakmilik (land search). / Include but not limited to stamping fees, registration of charge, lodgement and withdrawal of caveats and other related charges like bankruptcy search and land search. | | | | | | | | | | | | |
| 04. | Yuran Guaman yang Berkaitan dengan Dokumen Sekuriti / Legal Fees Pertaining to Securities Documentations | Semua yuran guaman dan perbelanjaan sampingan yang berkaitan penyediaan dokumen sekuriti kemudahan pembiayaan. / All legal fees and incidental expenses in connection with the preparation of the security documents for financing facility. | | | | | | | | | | | | |
| 05. | Yuran Penilaian Harta / Valuation Fee | Yuran profesional bagi menyediakan laporan rasmi hartanah (terpakai bagi hartanah yang telah siap dibina sahaja). / Valuer fees for preparation of formal valuation report (applicable to completed property only). | | | | | | | | | | | | |
| 06. | Yuran Pemprosesan / Processing Fees | Dikecualikan. / Waived. | | | | | | | | | | | | |
| 07. | Fi Wakalah / Wakalah Fee | <table border="1"> <thead> <tr> <th>Bil./ No.</th> <th>Perkara / Subject</th> <th>Fi / Fee</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>1.</td> <td>Lantikan bank sebagai ejen pembeli / Bank act as purchase agent</td> <td>RM15</td> </tr> <tr> <td>2.</td> <td>Lantikan bank sebagai ejen penjual / Bank act as sell agent</td> <td>RM15</td> </tr> <tr> <td colspan="2">Jumlah/ Total</td> <td>RM30</td> </tr> </tbody> </table> <ul style="list-style-type: none"> • Fi Wakalah dikecualikan bagi jumlah pembiayaan RM100,000 dan ke bawah manakala fi Wakalah sebanyak RM30 akan dikenakan bagi jumlah pembiayaan melebihi RM100,000. / Wakalah fee is waived for financing amount of RM100,000 and below while RM30 of Wakalah fee will be imposed for financing amount of more than RM100,000. • RM30 untuk kontrak Wakalah akan didebitkan ke dalam Akaun Pembiayaan pelanggan. / RM30 for Wakalah contract will be debited into customer's Financing Account. | Bil./ No. | Perkara / Subject | Fi / Fee | 1. | Lantikan bank sebagai ejen pembeli / Bank act as purchase agent | RM15 | 2. | Lantikan bank sebagai ejen penjual / Bank act as sell agent | RM15 | Jumlah/ Total | | RM30 |
| Bil./ No. | Perkara / Subject | Fi / Fee | | | | | | | | | | | | |
| 1. | Lantikan bank sebagai ejen pembeli / Bank act as purchase agent | RM15 | | | | | | | | | | | | |
| 2. | Lantikan bank sebagai ejen penjual / Bank act as sell agent | RM15 | | | | | | | | | | | | |
| Jumlah/ Total | | RM30 | | | | | | | | | | | | |

Nota / Note: Semua fi adalah dengan sekali pembayaran sahaja. / All fees are one-off payment only.

9. Apakah implikasi sekiranya saya gagal melaksanakan tanggungjawab? / What if I fail to fulfil my obligations?

- Caj Bayaran Lewat berdasarkan kepada Ta'widh (gantirugi) akan dikenakan seperti di bawah / Late Payment Charges based on Ta'widh (compensation) will be imposed as below:

| | |
|---|---|
| Dalam tempoh pembiayaan / Within the Facility Period | Caj Lewat Bayar sebanyak 1% setahun akan dikenakan ke atas amaun ansuran bulanan yang tertunggak sekiranya anda gagal membayar mana-mana bayaran ansuran bulanan dalam tempoh yang ditetapkan dari tarikh bermulanya pembiayaan dikeluarkan sehingga tarikh matang pembiayaan / Late Payment Charges (LPC) of 1% per annum will be imposed on the overdue monthly instalment payment in the event you fail to pay any monthly instalment within the stipulated period from the first disbursement of the financing until its maturity date. |
| Setelah tamat tempoh pembiayaan / After the Facility Period: | Kadar Pasaran Wang Antara Bank Secara Islam (IIMM) akan dikenakan atas kegagalan membayar keseluruhan jumlah baki tertunggak selepas tempoh matang atau selepas penghakiman diperolehi, yang mana terdahulu. / Prevailing daily overnight Islamic Interbank Money Market (IIMM) rate will be charged for failure to pay the total outstanding balance after maturity or upon judgment obtained, whichever earlier. |

Nota / Note: *IIMM – Kadar Pasaran Wang Antara Bank Secara Islam yang ditentukan oleh Bank Negara Malaysia (BNM) dan tertakluk kepada perubahan dari semasa ke semasa. / *IIMM - Islamic Interbank Money Market refers to the rate as may be determined by Bank Negara Malaysia (BNM) from time to time.

- Bank berhak membuat tolakan atau memindahkan apa-apa jumlah yang terhutang pada satu atau mana-mana akaun anda di Bank untuk menyelesaikan obligasi dan liabiliti yang terhutang dan perlu dibayar oleh anda kepada Bank tertakluk kepada notis diberikan kepada anda dalam tempoh tujuh (7) hari sebelum tolakan atau pindahan tersebut dilaksanakan. / The Bank may set-off or transfer any credit balance in your account maintained with the Bank against any outstanding amount in this financing account by giving seven (7) days prior notice before such set-off or transfer.
- Tindakan undang-undang akan diambil sekiranya anda gagal untuk bertindak balas terhadap notis peringatan dan kos berhubung apa-apa tindakan undang-undang yang diambil oleh Bank terhadap anda akan ditanggung oleh anda - jika ada. / Legal action will be taken if you fail to respond to reminder notices and legal cost will be borne by you - if applicable.
- Tindakan undang-undang terhadap anda boleh memberi kesan kepada rekod kredit anda yang akan menyebabkan kemudahan kredit anda menjadi lebih sukar. / Legal action against you may affect your credit rating leading to credit being more difficult or expensive to you.

10. Bagaimana sekiranya saya melangsaikan sepenuhnya pembiayaan dalam tempoh lock in / sebelum tempoh matang? / What if I fully settle the financing during the lock in period / before maturity period?

- Anda perlu mengemukakan notis bertulis kepada Bank untuk mendapatkan amaun penjelasan awal. / You may submit a written notice to the Bank to get the total amount of early settlement.
- Penjelasan awal boleh dilakukan pada bila-bila masa waktu bekerja dan dimana-mana cawangan Bank. / The redemption can be performed at any time during working hours and at any of the Bank's branches.
- Bank akan memberikan Ibra' (rebat) kepada anda bagi penjelasan awal dalam keadaan-keadaan berikut / The Bank shall grant Ibra' (rebate) to you for early settlement in the following event:
 - i. Penjelasan awal atau penebusan awal pembiayaan; atau / Early settlement or early redemption of the facility; or
 - ii. Penjelasan awal pembiayaan melalui cara penstrukturan semula pembiayaan; atau / Settlement of the original financing contract due to financing restructuring exercise; or
 - iii. Penjelasan penuh sebelum tempoh matang setelah berlaku keingkaran oleh pelanggan; atau / Settlement by Customer in the case of default; or
 - iv. Penjelasan awal oleh anda melalui penamatan atau pembatalan pembiayaan sebelum tempoh matangnya. / Settlement by Customer in the event of termination or cancellation of financing before the maturity date.
- Ibra' (rebat) dikira dengan formula berikut : Untung Belum Terakru - Caj Penjelasan Awal (jika ada). / The applicable formula for Ibra' (rebate) = Deferred Profit - Early Settlement Charges (if any).

11. Adakah saya perlu mengambil perlindungan takaful? / Do I need any takaful coverage?

- Sumbangan Takaful Gadai Janji Berkurangan (MRTT) adalah digalakkan untuk melindungi pembiayaan anda jika berlaku kematian atau hilang upaya kekal semasa tempoh pembiayaan. / Mortgage Reducing Term Takaful (MRTT) is an option to protect your interest in the event of death or permanent disability during the financing tenure.
- Sumbangan Takaful Houseowners / kebakaran / Takaful Rumahku-Long Term (TRLT), jika perlu. / Houseowners / fire / Takaful Rumahku - Long Term (TRLT), if necessary.

12. Apakah yang perlu dilakukan sekiranya terdapat perubahan pada maklumat perhubungan saya? / What do I need to do if there are changes to my contact details?

Adalah sangat penting untuk anda memaklumkan kepada Pusat Perhubungan Pelanggan kami secara bertulis atau melalui emel jika terdapat sebarang perubahan dalam butir-butir perhubungan anda. Ini bagi memastikan bahawa semua surat-menyurat sampai kepada anda tepat pada masanya. / It is important that you inform our Customer Service Center via mail or email of any changes in your contact details to ensure that all correspondences reach you in a timely manner.

13. Di manakah saya boleh mendapatkan bantuan atau maklumat lanjut? / Where can I get assistance and redress?

Jika anda mempunyai kesukaran membuat pembayaran, anda perlu menghubungi pihak Bank dengan segera untuk membincangkan alternatif pembayaran. Anda boleh hubungi kami di: / *If you have difficulties in making monthly payments, you should contact us earliest possible to discuss payment alternatives. You may contact us at:*

**Pusat Perhubungan Pelanggan
Bank Simpanan Nasional**
Tel: 1300 88 1900 / 03-2613 1900 (Luar Negara) / (Overseas)
Emel/Email: customercare@bsn.com.my

Jika anda ingin mengemukakan aduan mengenai produk atau perkhidmatan yang disediakan oleh pihak Bank, anda boleh menghubungi pihak bank di / *If you wish to complain on the products or services provided by us, you may contact us at:*

**Pusat Perhubungan Pelanggan
Bank Simpanan Nasional**
Tel: 1300 88 1900 / 03-2613 1900 (Luar Negara) / (Overseas)
Emel/Email: customercare@bsn.com.my

Jika pertanyaan atau aduan anda tidak diselesaikan dengan sepenuhnya oleh pihak Bank, anda boleh menghubungi Bank Negara Malaysia LINK atau TELELINK di / *If your query or complaint is not satisfactorily resolved by us, you may contact Bank Negara Malaysia LINK or TELELINK at:*

**Blok D, Bank Negara Malaysia,
Jalan Dato' Onn,
50480 Kuala Lumpur.**
Tel: 1300 88 5465
Faks / Fax: 03-2174 1515
Borang Web/Web Form: <https://bnmlink.bnm.gov.my/>

Sebagai alternatif, anda boleh mendapatkan Perkhidmatan Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK), sebuah agensi yang ditubuhkan oleh Bank Negara Malaysia untuk menyediakan perkhidmatan percuma berkaitan pengurusan wang, kaunseling kredit, pendidikan kewangan dan penyusunan semula hutang untuk individu. Anda boleh menghubungi AKPK di / *Alternatively, you may seek the services of Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK), an agency established by Bank Negara Malaysia to provide free services on money management, credit counselling and debt restructuring for individuals. You can contact AKPK at:*

**Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK)
Tingkat 5 dan 6,
Menara Bumiputra Commerce,
Jln Raja Laut, 50350 Kuala Lumpur**
Tel: 03-2616 7766
Emel / Email : enquiry@akpk.org.my

Sebagai alternatif, anda boleh mendapatkan perkhidmatan Khidmat Nasihat Pembiayaan di Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK) yang memberikan nasihat kewangan kepada individu yang tidak dapat memperoleh pembiayaan perumahan daripada institusi kewangan. Sekiranya anda berminat untuk menerima khidmat nasihat daripada Khidmat Nasihat Pembiayaan @ AKPK, sila layari: / *Alternatively, you can get Financing Advisory Services at Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK) which provides financial advice to individuals who cannot obtain home financing from financial institutions. If you are interested in receiving advice from Khidmat Nasihat Pembiayaan @ AKPK, please get visit:*

laman web / website: <https://www.bnm.gov.my/MyKNP>

14. Dimana boleh saya memperolehi informasi dengan lebih lanjut? / Where can I get further information?

Sekiranya anda memerlukan maklumat tambahan mengenai BSN MyHome-i (SJKP-MADANI), sila rujuk laman web www.bsn.com.my. / *Should you require additional information on BSN MyHome-i (SJKP-MADANI), please refer to www.bsn.com.my website.*

15. Lain-lain produk pembiayaan perumahan BSN yang disediakan? / Other home financing packages available?

- BSN MyHome-i (Hartanah Kediaman) / BSN MyHome-i (Residential Property)
- BSN MyFirstHome-i
- BSN MyHomePlus-i

PENAFIAN / DISCLAIMER :

Terma dan syarat di dalam Penyata Pendedahan Produk ini hanya sebagai maklumat dan tidak muktamad. Terma dan syarat yang muktamad adalah seperti yang ditetapkan dalam Surat Tawaran dan Perjanjian Kemudahan selepas penilaian dan kelulusan pihak Bank. / *The terms and conditions indicated in this Product Disclosure Sheet are tentative / indicative and not binding on the Bank. The final terms and conditions are as stipulated in the Letter of Offer and Facility Agreement after financing approval.*

Saya dengan ini telah membaca dan memahami terma dan syarat di atas / *Hereby I have read and understand the terms and conditions above.*

Tandatangan Pelanggan / Customer's Signature

**CATATAN PENTING : RUMAH ANDA MUNGKIN AKAN DIHALANG TEBUS SEKIRANYA ANDA
INGKAR DALAM PEMBAYARAN PEMBIAYAAN PERUMAHAN ANDA. /
IMPORTANT NOTE : YOUR PROPERTY MAY BE FORECLOSED IF YOU DO NOT KEEP UP PAYMENTS ON
YOUR HOME FINANCING.**

Semua maklumat yang diberikan dalam Penyata Pendedahan Produk ini adalah sah mulai [] /

All information provided in this Product Disclosure Sheet is valid with effect from []